

## UMS Bekal Ikan Air Tawar kepada Pengusaha Makanan

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 04 Ogos 2017 18:06 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 469

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**JUMAAT, 04 OGOS** - Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini menjadi salah satu pangkalan utama bagi pengusaha restoran makanan di sekitar negeri ini mendapatkan stok ikan air tawar untuk menjalankan perniagaan harian mereka.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof berkata, antara ikan air tawar yang mendapat permintaan tinggi termasuklah ikan keli.

“Syabas dan tahniah, ini adalah satu pencapaian IPMB yang amat membanggakan.

“Malah UMS melalui institut penyelidikan ini juga dalam perancangan

untuk mengembangkan jualan ketam hasil daripada bibit ketam bakau,” katanya.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan Bengkel Kemajuan Program *Niche Research Grant Scheme (NGRS)* di Cafe D’Sireh, hari ini.

Ketika ditemui media, Prof. Dr. Shahril kemudiannya memaklumkan, UMS juga telah menentukan bidang tujuan iaitu bidang akuakultur berdasarkan kedudukan geografi dan tarikan utama negeri ini yang terkenal dengan hasil laut.

“Fokus utama dalam bidang akuakultur ialah menjalankan aktiviti seperti pembibitan anak ikan, pemprosesan makanan ikan dan pelbagai aktiviti lain yang mampu memberi impak positif terhadap perkembangan ekonomi masyarakat dan industri.

“Kita juga telah mengadakan kerjasama dari universiti luar negara seperti Taiwan dan Jepun bagi membantu dalam mengkomersialkan penemuan yang dijalankan oleh para penyelidik UMS,” tambahnya.

Hadir sama pada majlis itu, Pengarah IPMB Prof. Dr. Rossita Shapawi.

Oleh Mardianah Shamsudin (Pelajar Latihan Industri BPK)